

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 21 April, 2019 12:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jelajah STHM Ke Kuala Muda Bantu Promosi Pelancongan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2019 / 15 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: STHM

JELAJAH STHM KE KUALA MUDA BANTU PROMOSI PELANCONGAN



UUM ONLINE: Bagi membantu melonjakkan industri pelancongan di Daerah Kuala Muda khususnya, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah mengadakan lawatan kerja ke daerah tersebut sempena program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah, baru-baru ini.

Dekan STHEM, Dr. Johan Afendi Ibrahim berkata, lawatan bertujuan untuk membantu dari segi pelancongan di Daerah Kuala Muda yang menawarkan pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi.

Selain itu, menurutnya, lawatan tersebut juga memberi peluang kepada staf STHEM untuk berinteraksi bersama penduduk setempat, disamping melihat potensi-potensi projek atau kajian yang boleh dilakukan bersama.

Seramai 16 staf STHEM telah diberikan taklimat tentang hala tuju dan perkembangan pelancongan Daerah Kuala Muda oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Mohd Amin Ali yang menerangkan bahawa Kuala Muda berpotensi sebagai daya tarikan pusat pelancongan.

Antara tempat menarik yang dilawati ialah Galeri Tsunami Kuala Muda, Galeri Kedah Tua, Pasar Bisik Kuala Muda, ladang nira nipah dan Tanjung Dawai.

Dr. Johan Afendi berkata, lawatan itu juga telah memberikan pengetahuan yang mendalam berkaitan Kuala Muda terutama di Galeri Tsunami yang menimbulkan keinsafan berkaitan peristiwa Tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004.

Daerah Kuala Muda mempunyai keluasan 922.6 km persegi dan terletak di bahagian tengah negeri Kedah bersempadan Daerah Yan dan Pendang di utara, Sik dan Baling di timur, Seberang Perai Utara dan Kulim di selatan.

Nama Kuala Muda diambil bersempena Sungai Muda yang bermula daripada sebuah penempatan nelayan, kemudiannya menjadi sebuah pelabuhan utama negeri Kedah pada kurun ke-18.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.